

PERSEPSI PELAJAR PRA-UNIVERSITI TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Nurmaizatul Hazirah binti Mustaffa

Universiti Islam Selangor (UIS)

nurmaizatulhazirah@uis.edu.my

Abstrak: Semenjak dunia telah dilanda pandemik Covid-19 pada tahun 2019, Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah mengalami satu revolusi. Sesi PdP kini tidak lagi hanya berdasarkan konsep tradisional sahaja malah sistem pembelajaran secara dalam talian telah mula diperkenalkan dan semakin diperluaskan bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan. Seiring dengan pembelajaran abad ke-21, pembelajaran dalam talian telah menjadi norma baharu dengan pelajar generasi baru yang bersifat lebih kreatif dan komunitif dengan teknologi. Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar Asasi Pengurusan Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor (UIS) terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian bagi persediaan pembelajaran untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Asasi Pengurusan semester satu, dua dan tiga Sesi III 2023/2024 yang berjumlah 51 orang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik yang menggunakan aplikasi *Google Form*. Terdapat tiga elemen yang telah dikaji menggunakan *Statistical Package of Social Science (SPSS)*. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan dan mempunyai kesediaan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Tetapi responden mempunyai persepsi dan motivasi yang sederhana untuk mengikuti kelas PdP secara dalam talian dan lebih berminat dengan pembelajaran secara teradun (*hybrid*). Diharap hasil kajian ini dapat membantu para pendidik dan institusi pengajian untuk membentuk modul pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian supaya lebih interaktif, menarik dan berkesan.

Kata Kunci/Keywords: persepsi; pembelajaran dalam talian; pra-universiti

PENGENALAN

Susulan daripada peningkatan wabak virus corona di seluruh dunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan pandemik Covid-19 pada 11 Mac 2020. Pelbagai sektor penting di Malaysia turut terkesan akibat perubahan drastik yang berlaku apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sepenuhnya pada 18 Mac 2020. Kawalan Pergerakan ini telah memperlakan semua sektor terutamanya ekonomi yang melibatkan sektor awam dan swasta di Malaysia (Kassim, 2020). Semua peringkat pendidikan negara daripada prasekolah sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi juga tidak terkecuali daripada terjejas.

Berikutan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan garis panduan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai satu norma baharu pembelajaran di peringkat sekolah. Garis panduan ini membolehkan PdPR dijalankan secara dalam talian atau luar talian di mana-mana sahaja lokasi yang sesuai bagi membolehkan para pelajar tidak ketinggalan. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga tidak ketinggalan dalam mengeluarkan pekeliling berkenaan pengendalian aktiviti akademik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ketika PKP. Walaupun terdapat sebahagian pelajar yang berada di kampus, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dan sebarang aktiviti bersemuka adalah dilarang. Hal ini adalah kerana bagi membendung penularan wabak virus corona di kalangan pelajar dan masyarakat setempat.

Ketika PKP diisytiharkan, Universiti Islam Selangor (UIS) sedang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Maka, pihak Universiti Islam Selangor (UIS) telah mengambil beberapa inisiatif berkaitan aktiviti akademik sepanjang PKP. Antaranya ialah semua kuliah telah dijalankan secara dalam talian (*online*) dan semua aktiviti praktikal di luar kelas dimansuhkan dan aktiviti penyeliaan latihan industri juga dijalankan secara dalam talian. Modul pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah dihasilkan agar dapat membantu proses PdP. Antara platform digital yang digunakan ialah *KLMS*, *Google Meet*, *Google Classroom*, *Zoom* dan lain-lain. Kaedah PdP secara dalam talian ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dari segi teknologi serta kerjasama daripada semua pihak terutamanya golongan pensyarah (Nor Fauziana, 2020).

Pelajar pra-universiti ialah pelajar yang menyambung pengajian di peringkat Tingkatan Enam, Matrikulasi, Asasi, Diploma, Politeknik Premier dan lain-lain selepas mengambil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Ketika PKP, pelajar matrikulasi UIS juga terlibat secara langsung dengan PdPR. Persepsi ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu pandangan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Persepsi secara umumnya diwakili oleh tiga domain utama iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor (Mathewson, 1994).

Pembelajaran hanya boleh berlaku sekiranya seseorang itu mempunyai kesediaan untuk belajar. Menurut Sharifah Nor dan Kamarul Azman (2011), teknologi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seorang pendidik dan pelajar. Evolusi teknologi yang semakin berkembang setiap hari telah memberi impak yang besar kepada interaksi pensyarah dan pelajar dan bahan pembelajaran.

Pembelajaran akan lebih mudah dan menyeronokkan jika seseorang itu berminat dan sanggup mempelajari sesuatu. Motivasi boleh wujud dalam bentuk ekstrinsik (ganjaran luar) dan intrinsik (keinginan dalaman). Menurut Kim & W. Frick (2011) mempromosikan motivasi untuk belajar merupakan komponen utama dalam pendidikan berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Walaupun teknologi digital telah lama wujud, tetapi ketika pandemik penggunaan teknologi digital ini telah mula digunapakai secara meluas dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sebagai kaedah yang terbaik. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini bergantung kepada persepsi dan penerimaan pelajar, modul yang dibentuk dan motivasi pelajar bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Bibi Noraini Mohd Yusuf & Jihan Ahmad, 2020).

Hal ini kerana aspek kesediaan memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PdPR yang bermakna (Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Shahrizal Mahpol & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, 2019; Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah, 2016). Menurut Mingmei et al. (2012), terdapat pelajar yang tidak mempunyai sikap motivasi yang tinggi untuk mempelajari sesuatu pembelajaran baru yang berasaskan teknologi. Kajian Abdul Manaf et al. (2015) menyatakan kurangnya kemahiran dan pengetahuan pelajar berkaitan penggunaan internet akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran kurang dilaksanakan dengan baik.

Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, mengkaji tahap persepsi dan motivasi pelajar sebagai persediaan ke Ijazah Sarjana Muda.

TUJUAN KAJIAN

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- a) Mengetahui tahap kesediaan pelajar pra-universiti UIS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
- b) Mengetahui persepsi pelajar pra-universiti UIS tentang penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
- c) Mengetahui tahap motivasi pelajar pra-universiti UIS bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan

- a) Adakah tahap kesediaan pelajar pra-universiti UIS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian?
- b) Adakah persepsi pelajar pra-universiti UIS tentang penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian?
- c) Adakah tahap motivasi pelajar pra-universiti UIS bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian?

Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengetahui persepsi pelajar-pelajar pra-universiti Asasi Pengurusan semester satu, dua dan tiga di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Selangor (UIS) terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian yang akan digunakan ketika menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Sesetengah kursus sesuai bagi pelaksanaan dalam talian tetapi pembelajaran bersemuka masih lagi diperlukan contohnya subjek yang melibatkan pengiraan seperti Matematik dan Akaun. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan sangat penting kepada para pensyarah agar dapat menambah baik proses pengajaran pada masa akan datang. Pensyarah juga boleh memahami keadaan pembelajaran para pelajar dari aspek kesediaan, tahap motivasi dan tahap kemahiran pelajar mengakses teknologi digital. Hasil kajian juga dapat digunakan sebagai rujukan pihak universiti dalam merancang dan memantau proses PdPR supaya menjadi lebih berkesan dan meluas serta memberi impak yang diharapkan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian lepas berkenaan pembelajaran dalam talian yang mendapati bahawa medium pengajaran yang menggunakan komputer sangat diminati oleh pelajar. Muhammad Izzat et. Al (2020) telah melakukan kajian terhadap pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian ketika pandemik covid-19. Seramai 160 orang pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) semester satu telah diberikan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang telah diadaptasi dari kajian lepas. Kaedah tinjauan deskriptif digunakan dengan mencari nilai min. Hasil dapatan kajian menunjukkan usaha penambahbaikan perlu sentiasa dipertingkatkan untuk memastikan pembelajaran dalam talian dapat dijalankan dengan lebih baik mengikut keadaan semasa. Pensyarah dan pelajar juga perlu bersedia dan komited untuk memastikan norma baharu pembelajaran ini dapat dilaksanakan.

Dalam kajian Law, Lee & Chow (2022), membuktikan bahawa pelajar lebih berupaya mempelajari kemahiran literasi maklumat dengan menggunakan komputer, berupaya berfikir secara kritis, berupaya untuk belajar daripada pelbagai sumber dan berupaya belajar dengan komuniti mereka dengan saling menghormati idea. Kajian ini sependapat dengan Lynch(2002) yang mendapati e-pembelajaran dapat menarik minat pelajar jika antara mukanya direka dengan menarik dan teratur. Afifah et al (2017) mendapati tiga elemen berhubungkait dengan interaksi e-pembelajaran iaitu pensyarah, pelajar dan silibus pembelajaran. Kepelbagaian penggunaan teknologi dapat memberi pembelajaran yang efektif. Untuk memastikan pelajar kekal aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, pensyarah boleh terlibat dalam perbincangan, penerokaan kandungan dan kepelbagaian maklumat rujukan.

Sebuah kajian tinjauan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran telah dijalankan oleh M.Kaviza (2020). Teknik persampelan rawak mudah digunakan terhadap 114 orang murid Tingkatan Empat. Borang soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata telah dijadikan sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan murid untuk menggunakan aplikasi *Google Classroom* berada pada tahap yang sederhana dan tidak terdapat perbezaan min berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Implikasi kajian telah memberi cadangan kepada para guru untuk menggunakan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pembelajaran sejarah dengan meluas dan berkesan.

Saravannan et. Al (2021) turut menyatakan bahawa kemahiran dan kualiti capaian internet juga merupakan faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Pihak yang berkepentingan perlu memastikan para pelajar mendapat kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran dalam talian supaya sesi pembelajaran dalam talian dapat dilaksanakan dengan baik. Seiring dengan era globalisasi, para pensyarah dan pelajar perlu menguasai pelbagai kemahiran teknologi bagi membolehkan mereka menggunakan pelbagai platform untuk menggantikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

Menurut Iqbal et al. (2022) pelajar akan berasa tidak puas hati terhadap pembelajaran dalam talian sekiranya pihak institusi pengajian tidak memberi sokongan dan kualiti pengajaran yang lemah. Talian internet yang tidak stabil, tiada sumber elektrik dan persekitaran pembelajaran yang tidak sesuai juga antara faktor lain yang turut menyumbang kepada ketidakpuasan hati terhadap sistem pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar tidak mahu untuk pembelajaran dalam talian selepas pandemik berakhir.

Secara ringkasnya, hasil daripada dapatan kajian-kajian yang lepas menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif dan sederhana terhadap pembelajaran dalam talian. Semua faktor yang dinyatakan iaitu persepsi, kesediaan dan motivasi pelajar menjadi asbab kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk meninjau persepsi, motivasi dan mengenal pasti kesediaan pelajar pra-universiti Asasi Pengurusan Universiti Islam Selangor untuk mengikuti pembelajaran dalam talian sebagai persediaan pembelajaran di peringkat seterusnya.

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar dari program Asasi Pengurusan Universiti Islam Selangor (UIS) yang berjumlah 51 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) bagi populasi 50 orang, kajian perlukan sekurang-kurangnya 44 orang responden. Soal selidik telah diedarkan dalam bentuk google form. Seramai 48 orang responden daripada populasi kajian ini telah menjawab soal selidik ini. Pelajar-pelajar ini pernah melalui pembelajaran ketika fasa pandemik sebelum ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang diubahsuai daripada kajian yang lepas. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat peribadi responden. Bahagian B mengandungi tiga belas item berkaitan persepsi dan kesediaan pelajar manakala Bahagian C mengandungi enam item berkaitan dengan motivasi pelajar. Jadual 1 berikut adalah perincian borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

Jadual 1

Instrumen kajian

| Bahagian | Faktor | Instrumen |
|----------|----------------------|---|
| A | Demografi | Latar belakang responden seperti jantina, umur dan semester pengajian. |
| B | Kesediaan & persepsi | Diubahsuai daripada soal selidik kajian Ram Gopal, Varsha Singh & Arun Aggarwal (2021) |
| C | Motivasi | Diubahsuai daripada soal selidik kajian Saad, Z.M, Khodzirah, A, Shahir, S., & Johana J. (2022) |

Kaedah Analisis Data

Item soalan diuji menggunakan skala Likert 3 pilihan dengan maksud skor adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Data yang diperolehi ini telah dianalisis menggunakan *Statistical Package of Social Science* (SPSS). Interpretasi skor min adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 2

Aras Pengukuran Skala Likert

| Skala | 1 | 2 | 3 |
|-------|--------------|-------------|--------|
| Tahap | Tidak setuju | Tidak pasti | Setuju |

Jadual 3

Skala Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Tahap |
|-----------|-----------|
| 1.00-1.67 | Rendah |
| 1.68-2.34 | Sederhana |
| 2.35-3.00 | Tinggi |


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Rajah 1 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Seramai 26 orang (54.2%) responden adalah pelajar lelaki dan 22 orang (45.8%) responden ialah pelajar perempuan.

Rajah 1


Jantina Responden



Kebanyakan responden berada di semester 3 iaitu 39 orang (81.3%). Manakala 3 orang (6.3%) berada di semester 2 dan 6 orang (12.5%) berada di semester 1.

Rajah 2


Semester Pengajian



Majoriti responden berumur 19 tahun iaitu seramai 37 orang (77.1%), 4 orang (8.3%) adalah berumur 20 tahun, 6 orang (12.5%) berumur 21 tahun dan 1 orang (2.1%) responden tidak menyatakan umurnya.

Rajah 3


Umur



Seramai 45 orang (93.8%) pernah mengikuti pembelajaran dalam talian manakala 3 orang (6.3%) tidak pernah belajar dalam talian.

Rajah 4

Pernah mengikuti pembelajaran dalam talian



Kesediaan Responden Mengikuti Pembelajaran Dalam Talian

Hasil kajian mendapati secara umumnya hampir kesemua responden mempunyai peralatan dan kemudahan yang mencukupi untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam talian seperti komputer atau komputer riba, dan talian internet. Mereka juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas penggunaan ICT yang boleh membantu mereka mencari maklumat. Manakala, lebih separuh daripada responden mempunyai persekitaran pembelajaran di rumah yang sesuai seperti di Jadual 4. Hasil kajian yang lalu mendapati pelajar yang mempunyai persediaan yang mencukupi akan mempengaruhi motivasi dan komitmen mereka untuk mengikuti pembelajaran dalam talian dengan lebih baik. Ini termasuklah memiliki peralatan dan capaian internet yang stabil. (Iqbal et al., 2022; Wan Ahmad et al., 2021; Bibi Noraini Mohd Yusuf & Jihan Ahmad, 2020).

Jadual 4

Tahap Kesiediaan Responden Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

| Item | Kekerapan | Peratus |
|---|-----------|---------|
| Saya mempunyai kelengkapan peralatan yang mencukupi (komputer/ komputer riba/ internet/ perisian/ talian internet) untuk menyertai kuliah dalam talian. | | |
| Tidak Setuju | 3 | 6.3% |
| Tidak Pasti | 5 | 10.4% |
| Setuju | 40 | 83.3% |
| Saya mempunyai pengetahuan/asas penggunaan ICT untuk pembelajaran dalam talian. | | |
| Tidak Setuju | 0 | 0% |
| Tidak Pasti | 15 | 31.3% |
| Setuju | 33 | 68.8% |
| Persekitaran rumah saya sesuai untuk mengikuti kuliah dalam talian. | | |
| Tidak Setuju | 4 | 8.3% |
| Tidak Pasti | 12 | 25% |
| Setuju | 32 | 66.7% |

Persepsi Dan Motivasi Responden Terhadap Pembelajaran Dalam Talian

Berdasarkan Jadual 5, majoriti persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Terdapat dua faktor yang tinggi iaitu pelajar berasa kurangnya hubungan dengan rakan dan mereka tidak dapat menumpukan perhatian dengan lama ketika pembelajaran dalam talian.

Jadual 5

Min Bagi Persepsi Responden Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

| Konstruk | Min | Tahap |
|--|------|-----------|
| 1. Saya berasa kuliah dalam talian lebih berkesan berbanding bersemuka. | 1.56 | Rendah |
| 2. Saya merasakan kuliah dalam talian lebih menyeronokkan. | 1.83 | Sederhana |
| 3. Pembelajaran dalam talian memudahkan saya untuk bertanya soalan berkaitan pembelajaran. | 1.60 | Rendah |
| 4. Kuliah dalam talian akan memudahkan saya untuk berkomunikasi pensyarah. | 1.71 | Sederhana |
| 5. Saya berasa pembelajaran dalam talian lebih memenatkan dan lebih sukar. | 2.23 | Sederhana |
| 6. Saya merasa kurangnya hubungan langsung dengan rakan-rakan ketika kuliah dalam talian. | 2.73 | Tinggi |
| 7. Terdapat gangguan daripada ahli keluarga lain semasa kuliah dalam talian. | 2.17 | Sederhana |
| 8. Saya tidak dapat menumpukan perhatian dengan lebih lama semasa kuliah dalam talian. | 2.56 | Tinggi |
| 9. Pengajian dalam talian membolehkan saya mempelajari kursus teori dengan mudah. | 1.75 | Sederhana |
| 10. Pengajian dalam talian membantu saya memahami subjek pengiraan dengan mudah. | 1.42 | Rendah |

Bagi pembolehubah motivasi pula, hasil analisis menunjukkan skor bagi motivasi pelajar untuk menghadiri kelas dalam talian adalah di tahap sederhana dan tinggi.

Jadual 6

Min Bagi Faktor Motivasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

| Konstruk | Min | Tahap |
|--|------|-----------|
| 1. Saya seronok belajar dalam talian. | 1.96 | Sederhana |
| 2. Saya sentiasa bersemangat untuk menghadiri kelas. | 2.48 | Tinggi |

| | | |
|---|------|-----------|
| 3. Saya segera membuat tugas yang diberikan pensyarah. | 2.52 | Tinggi |
| 4. Saya berasa positif untuk mengikuti kelas dalam talian. | 2.15 | Sederhana |
| 5. Belajar dalam talian membuatkan saya menjadi lebih fleksibel dalam menguruskan masa. | 2.02 | Sederhana |
| 6. Saya bermotivasi tinggi untuk mengambil bahagian di dalam kelas dalam talian . | 1.88 | Sederhana |

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian adalah baik. Walau bagaimanapun, persepsi dan motivasi pelajar berada di tahap sederhana. Responden mengatakan pembelajaran dalam talian menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan dengan lebih lama serta tidak mewujudkan hubungan langsung dengan rakan-rakan sekelas. Kebanyakan mereka berpandangan pembelajaran secara bersemuka adalah lebih baik bagi subjek yang melibatkan pengiraan. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih belum dapat menerima pembelajaran dalam talian sepenuhnya. Maka ini akan dapat memberi peluang kepada pensyarah untuk mempromosikan pembelajaran teradun bagi mengoptimumkan potensi pelajar sebelum kaedah pembelajaran dalam talian diaplikasikan sepenuhnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

RUJUKAN

1. Bibi Noraini Mohd Yusuf & Jihan Ahmad, "Are We Prepared Enough? A case study of challenges in online learning in a private higher learning institution during the covid-19 outbreaks" (Advance in Social Science Research Journal), 7(5), 205-12 (2020).

2. Iqbal, S.A., Ashiq, M., Rehman, S.U., & Tayyab, N., “Students perceptions and experiences of online education in Pakistani universities and Higher Education Institutes during Covid-19.” (Educational Science), (2022), 166.
3. Joi L. Moore, Camille Dickson-Deane, Krista Galyen, “E-Learning, online learning and distance learning environments: Are they the same” (The internet and Higher Education),14(2):129-135 (2011).
4. Kementerian Pendidikan Malaysia, Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah, (2020).
5. Kim, K., & W.Frick, T. “Changes in student motivation during online learning”(Journal of Educational Computing Research) 44,1-23 (2011).
6. Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. “Determining sample size for research activities” (Educational & Psychological Measurement), 30,607-610 (1970)
7. M.Kaviza, “Kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi google classroom sebagai platform pembelajaran sejarah” (Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)), 5(4):108-115 (2020).
8. Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini & Nur Hafizaliyana binti Hassan, “Persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian dalam era pandemik covid-19” (Jurnal Kesidang) 5:88-99 (2020).
9. Saad, Z.M, Khodzirah, A., Shahir, S., & Johana, J. “ Persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa pandemik dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah” (Jurnal Pembangunan Sosial) 25: 191-216 (2022).